



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000  
Fax : 03 6204 6801  
Portal : [jpwpkl.moe.gov.my](http://jpwpkl.moe.gov.my)

Ruj. Tuan : ARDENTEDU2026/01  
Ruj. Kami : JPWPKL.600-10/2/6 Jld.67 (20)  
Tarikh : 2 Januari 2026

Mohd Suhaimi bin Ramli  
Pengarah Urusan  
Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.  
100-1 Jalan 2/23A Off Jalan Genting Klang  
53300 Kuala Lumpur

Tuan,

## MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMIC EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER TAHUN 2026

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat tuan bertarikh 7 Januari 2026 serta surat dari Sektor Operasi Sekolah, Kementerian Pendidikan KPM.600-12/1/4 Jld.73 (13) bertarikh 18 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan setelah meneliti permohonan tuan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) **tiada halangan** untuk memberi pertimbangan kepada pihak tuan melaksanakan **Pertandingan Kangaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economic Explorer, Earth Explorer, Galaxy Explorer, Language Explorer, Geography Explorer, Biology Explorer Tahun 2026** kepada **murid-murid** secara **atas talian** di **sekolah rendah dan menengah** sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai **22 April hingga 8 November 2026**. Pihak tuan perlu mengemukakan permohonan baharu sekiranya melibatkan rakaman, liputan media serta pelaksanaan program di luar premis sekolah.

3. Pihak tuan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI)** serta surat siaran yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

- 3.1 **SPI Bil.7/1988:** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 **SPI Bil.8/1995:** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Badan Persatuan atau Badan Bukan Induk;
- 3.3 **SPI Bil.8/2005 :** Pelaksanaan Bekerja Lima hari seminggu.
- 3.4 **SPI Bil.8/2009:** Langkah-langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan di Luar Waktu Persekolahan;
- 3.5 **SPI Bil.5/2018:** Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan;
- 3.6 **SPI Bil.4/2023:** Garis Panduan Undangan dan Lawatan Orang Kenamaan dan Ahli Politik ke Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan
- 3.7 **SPI Bil.9/2023:** Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Mulai Tahun 2023 dan;

...2/-

3.8 **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010:** Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar.

4. Kerjasama tuan juga dimohon akur kepada syarat-syarat serta surat dari Sektor Operasi Sekolah, Kementerian Pendidikan KPM.600-12/1/4 Jld.73 (13) bertarikh 18 Disember 2025 seperti berikut:

- 4.1 Mendapatkan kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat terlebih dahulu;
- 4.2 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 4.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 4.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga **keselamatan dan kebajikan** murid yang terlibat dengan program ini.
- 4.5 Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 4.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat **kebenaran secara bertulis** daripada ibu bapa atau penjaga;
- 4.7 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat:**
- 4.8 Penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung **semua kos** penganjuran **program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;**
- 4.9 Pihak penganjur **tidak dibenarkan mengadakan pameran, demonstrasi dan seumpamanya di sekolah sebagai promosi dagangan atau barangan kepada guru dan murid;**
- 4.10 Pihak penganjur **tidak dibenarkan menyentuh elemen politik, perkauman dan ekstremisme serta menyentuh dasar-dasar KPM yang sedang berkuat kuasa;**
- 4.11 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.12 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan **insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid terlibat;**
- 4.13 Penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas permohonan penganjuran program ini.** Syarat permohonan adalah seperti di dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan** (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>);
- 4.14 Pihak penganjur perlu memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 4.15 Jabatan ini **tidak akan menanggung sebarang risiko sekiranya pihak penganjur tidak mematuhi SPI dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;**
- 4.16 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;** dan
- 4.17 **Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.**

5. Untuk makluman tuan, pihak KPM sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pelaksanaan program boleh dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan iaitu pada minggu kedua dan keempat sahaja.

6. Kelulusan ini hanya untuk tujuan dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **8 November 2026**. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Pn. Haliza Hadfifah binti Razali melalui talian **03-62046879** atau e-mel **haliza.razali@moe.gov.my**.


Kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,



**(MEGAT AFFANDI BIN DATUK WIRA HAJI ISMAIL)**

Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
b.p Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan

- s.k.
1. Timbalan Pengarah Pendidikan,  
Sektor Pengurusan Sekolah,  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  2. Timbalan Pengarah Pendidikan,  
Sektor Pembelajaran,  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  3. Timbalan Pengarah Pendidikan,  
Sektor Pembangunan Murid,  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  4. Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu, Kuala Lumpur.
  5. Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah Keramat, Kuala Lumpur.
  6. Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah Sentul, Kuala Lumpur.
  7. Pengetua,  
Sekolah Menengah Kebangsaan, Kuala Lumpur.
  8. Guru Besar,  
Sekolah Kebangsaan/Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina/Tamil), Kuala Lumpur.

HalizaHadfifah/Agensi Luar/Desktop